

Fakulti Komputeran Informatik bantu pelajar UMSKAL kurang berkemampuan

UB 30.10.2015

B12

LABUAN: Projek 'Suspended Meals Project' telah dilancarkan oleh Fakulti Komputeran dan Informatik (FKI) dengan kerjasama Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL).

Majlis perasmian program yang julung-julung kalinya diadakan itu telah disempurnakan oleh Pengarah UMSKAL Prof Madya Dr Murnizam Haji Halik yang diiringi oleh Dekan Fakulti Komputeran dan Informatik Prof Madya Dr Ag Asri Ag Ibrahim di Kafeteria UMS Labuan, Rabu lalu.

Turut hadir, Penolong Pendaftar Hal Ehwal Pelajar Mas Adi Alimin dan Penyelaras Program Nona Masnie Haji Mohd Nistah serta Timbalan Dekan (Akademik dan HEP) FKI Ryan McDonnell Andrias.

Menurut Ag Asri, objektif projek itu adalah untuk membantu pelajar UMSKAL yang kekurangan wang membeli makanan.

Selain itu, untuk memupuk perasaan saling bertimbang rasa, bantu-membantu dan prihatin dalam kalangan pelajar UMSKAL. Suspended Meal adalah makanan percuma untuk insan yang memerlukan.

"Mereka yang ingin membantu, boleh membeli kupon dan melekatkannya di papan yang disediakan di kafeteria manakala kepada yang memerlukan boleh mengambil kupon itu dan menuntut makanan di gerai," katanya.

Ag Asri berkata, setiap kupon terdapat harga dan jenis makanan dan di belakangnya ada nombor kupon dan nama gerai.

Pelajar yang ingin menuntut makanan hendaklah melihat

nama gerai di belakang kupon itu kerana terdapat beberapa gerai makanan yang terlibat dalam projek berkenaan.

Sebanyak lima gerai yang terlibat dalam melaksanakan projek itu, iaitu Sri Wahyu, Gerai Wawli, Selera Kampung, Resepi Ibonda dan BB Smile Always.

Pihak penganjur berharap projek itu dapat membantu meringankan bebanan pelajar dan akan berterusan.

Staf UMSKAL sangat menyokong Suspended Meals Project selain kerjasama yang baik daripada pihak kafeteria.

Sementara itu, pemilik gerai Sri Wahyu Mohd Shahrolnizam Mohd Yazam sangat menyokong projek itu kerana dapat membantu pelajar yang memerlukan.

"Di samping itu, projek ini juga dapat dijadikan sebagai amal jariah kepada pelajar UMSKAL," katanya.



MURNIZAM (dua kiri) dan **Ag Asri** (dua kanan) melancarkan **Suspended Meals Project** di Kafeteria UMS Labuan, Rabu lalu.